

Meningkatkan Kecekapan dan Pematuhan Dalam Latihan Penerbangan Melalui TMS

Cabaran

Berdepan dengan risiko pematuhan yang kabur dan latihan kritikal boleh menyebabkan penalti peraturan, operasi downtime dan reputasi terjejas:

Jurang Pematuhan & Tekanan Regulasi

Sukar memenuhi keperluan arahan dan pematuhan kerana tidak dapat menjejaki latihan berulang bagi kakitangan dan vendor.

Data & Sistem Tidak Berintegrasi

Ketiadaan platform berpusat menyebabkan data berkaitan latihan bertebaran di semua unit dan jabatan, penyelenggaraan profil latihan lama dalam fail Excel, rekod kehadiran secara manual dan kesukaran dalam masa nyata untuk meningkatkan prestasi kakitangan melalui latihan.

Pendedahan Risiko Tinggi Terhadap Operasi

Kesediaan kakitangan untuk operasi lapangan terbang kritikan darat.

Tiada Jejak Audit Digital

Meningkatkan kerentanan semasa audit dalaman atau luaran.

Perlaporan and Pemahaman Terhad

Keputusan tertangguh dan kesediaan untuk audit terjejas kerana kekurangan data sebenar dan terproses.

Kebimbangan Skalabiliti

Sistem manual sedia ada tidak boleh diskalakan bagi menyokong pengembangan masa hadapan dan tenaga kerja.

Pengurusan Latihan Manual

Kebergantungan tinggi terhadap Excel spreadsheet dan proses secara manual.



Pelanggan

Pos Aviation Sdn Bhd adalah penyedia perkhidmatan darat penerbangan bertaraf dunia. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah Perkhidmatan Pengendalian Darat, Pengendalian Kargo, Sajian Dalam Penerbangan serta Penyelenggaraan dan Kejuruteraan Pesawat kepada syarikat penerbangan komersial antarabangsa yang masuk dan keluar dari Malaysia. Di AG MGATE, kami menyelaraskan TMS dengan peraturan dan piawaian audit penerbangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), serta badan pengawalselia tempatan.

Matlamat Data Transformasi

Pos Aviation berhasrat untuk:




* Contoh Senarai Stesen: :


BKI, IPH, KCH, KUL, LGK, MKZ, PEN, SZB, TWU, KUA (ketika ini)

Implikasi Perniagaan & Peluang Terlepas

Proses latihan manual dan rekod yang tidak berintegrasi menyebabkan:



Peningkatan masa persiapan audit sebanyak 60%



Kitaran pengambilan pekerja baru 40% lebih lama



Pendedahan kepada risiko penalti dari badan regulasi

Penyelesaian & Sokongan

Pendekatan Pos Aviation berfokus kepada dua aspek utama: Pematuhan dan Kemudahan. Penyelesaian TMS direka bagi memudahkan perjalanan latihan dan memberikan nilai kepada ekosistem pembelajaran. Ia membantu organisasi menguruskan keseluruhan kitaran hidup program latihan dari penciptaan kursus, penjadualan, pendaftaran jurulatih, penjejakan kursus, penghasilan sijil digital hinggalah pelaporan.

Sistem ini membolehkan:

- Pentadbir HR mencipta pendaftaran kakitangan atau vendor.
- Penyelarasan latihan mengautomasikan tugas utama seperti pemantauan kesahihan latihan & penghantaran pencalonan.
- Jabatan latihan mendapat pemahaman jelas tentang keberkesanan inisiatif latihan untuk mengenal pasti jurang kemahiran, meningkatkan prestasi pekerja, dan memastikan pematuhan terhadap piawaian industri.

Secara ringkas, TMS ini bertindak sebagai hab pusat untuk mengurus semua aspek latihan dalam organisasi, meningkatkan kecekapan, menjejak kemajuan dan mempertingkatkan pengalaman pembelajaran.

Hasil

100%

Kesediaan Pematuhan

TMS menyelaraskan Pos Aviation dengan Arahan CAAM 6010, membolehkan penjejakan pematuhan masa nyata dan persediaan audit yang lancar – tanpa sebarang amaran audit.

99.8%

Kecekapan Meningkat

Platform memastikan rekod yang bersih dan sah boleh diakses bila-bila masa. Rekod perkembangan pekerja yang sebelum ini mengambil masa 14 hari kini, boleh didapatkan dalam 10 saat sahaja.

85%

Pengurangan Tugas Manual

Memberi lebih tumpuan kepada perkara strategik dalam operasi.

70%

Kitaran Latihan Dengan Lebih Cepat

Pengemasan proses penugasan dan pengesahan latihan; mempercepatkan kitaran pengambilan dan pembaharuan sijil.

Manfaat

Pos Aviation mencapai **100% pematuhan** dengan Arahan CAAM 6010 **tanpa sebarang isu audit**. Operasi latihan yang diperkemarkan berjaya **mengurangkan beban kerja manual sebanyak 85%**. Ini **mempercepatkan proses pengambilan dan pembaharuan sijil**, serta meletakkan **Pos Aviation di barisan hadapan untuk pertumbuhan berskala dan keyakinan regulatori jangka panjang**.

CIRI PENJEJAKAN LATIHAN

Modul yang kukuh meliputi penjadualan kursus, penjejakan peserta dan pelaporan prestasi.

Penyesuaian khusus bagi memenuhi keperluan latihan unik Pos Aviation.

PEMATUHAN ARAHAN CAAM

Sejajar dengan piawaian dan arahan CAAM 6010 bagi penyediaan dan pengurusan fail latihan kakitangan.

Memastikan pematuhan terhadap peraturan MACR 2016 bagi keselamatan dan pematuhan industri penerbangan.

NAVIGASI MESRA PENGGUNA

Reka bentuk dan navigasi mudah bagi kakitangan.

Proses yang diperkemas bagi meningkatkan pengalaman dan penglibatan pengguna.

PENDEKATAN PELAKSANAAN BERFASA

Pelan pelaksanaan berfasa yang jelas dan tersusun untuk meminimumkan gangguan.

Pencapaian dan tanggungjawab yang ditetapkan dengan jelas bagi memastikan pelaksanaan yang lancar.

KECEKAPAN DAN AKAUNTABILITI

Meningkatkan kecekapan latihan melalui automasi dan pemahaman berasaskan data.

Penambahbaikan akauntabiliti melalui pusat rekod latihan dan memantau pematuhan secara masa nyata.

Petikan Oleh Pelanggan

“Apabila vendor anda adalah seperti rakan kongsi, anda akan melangkah lebih jauh dari yang dijangkakan. Di Pos Aviation Sdn Bhd, kami bangga menyelaraskan komitmen dan matlamat kelestarian bersama syarikat induk kami, Pos Malaysia, bagi mencipta nilai jangka panjang. Dengan perluasan jejak kami, kolaborasi TMS ini menyuntik tenaga baharu dalam perjalanan ini. TMS bukan sekadar penyelesaian—ia adalah bukti kepada komitmen bersama kami terhadap konsistensi, pengurangan risiko, dan pembangunan strategik jangka panjang. Kami bersama, bukan sekadar memenuhi piawaian industri; kami sedang menaiktarafkan TMS untuk diintegrasikan sepenuhnya dengan Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) dan Platform Pengalaman Pembelajaran (LXP), yang membolehkan pengalaman pembelajaran lancar di semua peringkat. Ini hanyalah permulaan. Dengan kerjasama kukuh bersama Aventra Group, kami yakin lebih banyak kejayaan akan menyusul ketika kami terus bersinar dalam industri penerbangan.”

— Saravanan Ramasamy, Ketua Pegawai Eksekutif, Pos Aviation Sdn Bhd.